

## **BAB V**

### **RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Kajian ini memberi tumpuan kepada tahap dan punca keimbangan yang dihadapi oleh para remaja sekolah. Dalam bab ini perbincangan tertumpu kepada dapatan kajian, membuat kesimpulan hasil kajian dan seterusnya cadangan.

#### **5.2 Rumusan**

Kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap dan punca keimbangan remaja sekolah berdasarkan jantina, etnik dan pendapatan keluarga.

Soalan-soalan kajian bagi penyelidikan ini ialah:

1. Apakah tahap keimbangan di kalangan pelajar sekolah menengah ?
2. Apakah punca keimbangan pelajar ?
3. Adakah terdapat perbezaan tahap keimbangan pelajar berdasarkan jantina, etnik dan pendapatan keluarga ?
4. Adakah terdapat perbezaan dari segi punca-punca yang menyebabkan keimbangan pelajar berdasarkan jantina, etnik dan pendapatan keluarga ?

Sampel kajian ini ialah seramai 160 orang pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 5, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Pelajar pelajar ini terdiri daripada 80 orang lelaki dan 80 orang perempuan. Berdasarkan kategori etnik, 94 orang berbangsa Melayu dan 66 orang bukan Melayu (Cina, India dan lain-lain). Berdasarkan pendapatan keluarga, 88 orang dari keluarga berpendapatan rendah, 55 orang dari keluarga berpendapatan sederhana dan 21 orang dari keluarga berpendapatan tinggi.

Data kajian ini dianalisiskan menggunakan ujian-t untuk menguji perbezaan tahap keimbangan berdasarkan jantina dan etnik, ujian ANOVA untuk menguji perbezaan tahap keimbangan berdasarkan pendapatan keluarga pelajar.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap keimbangan keseluruhan pelajar adalah pada tahap sederhana. Kajian ini juga mendapati punca utama keimbangan adalah penyesuaian kerja sekolah diikuti dengan pelajaran dan

kerjaya dan hubungan sosial psikologikal. Hasil kajian juga mendapati bahawa wujud perbezaan yang signifikan tahap kebimbangan yang dihadapi di antara pelajar lelaki dengan perempuan, di antara pelajar Melayu dengan bukan Melayu dan diantara pelajar dari keluarga berpendapatan tinggi, sederhana dan rendah. Hasil kajian mendapati tahap kebimbangan pelajar perempuan lebih tinggi daripada pelajar lelaki dan tahap kebimbangan pelajar Melayu lebih tinggi daripada pelajar bukan Melayu. Perbezaan min yang signifikan lebih ketara di antara pelajar dari keluarga berpendapatan rendah dengan pelajar dari keluarga berpendapatan tinggi. Pada keseluruhannya kajian ini adalah tekal dengan kebanyakan keputusan kajian lalu dan juga selaras dengan teori yang dikemukakan.

### **5.3 Perbincangan**

Berbincangan adalah ditumpukan kepada tahap kebimbangan pelajar, perbezaan tahap kebimbangan pelajar berdasarkan jantina, etnik dan pendapatan keluarga, dan punca kebimbangan pelajar.

#### **5.3.1 Tahap Kebimbangan Pelajar**

Kajian ini mendapati tahap keseluruhan kebimbangan pelajar adalah pada tahap sederhana. Ini menunjukkan sebahagian besar pelajar berada dalam keadaan bimbang. Dapatan ini menyokong hasil kajian Abdul Rahim Haron

(1997), yang menyatakan tahap kebimbangan pelajar sekolah menengah Daerah Hulu Langat adalah pada tahap sederhana. Sebagai seorang pelajar remaja, mereka sentiasa akan memikirkan hala tuju mereka pada masa hadapan. Tidak dinafikan bahawa remaja juga berhadapan dengan masalah-masalah pelajaran, keluarga, kerja sekolah, kewangan, emosi, peribadi dan sosial yang mana kesemuanya boleh menyumbangkan kepada keadaan bimbang.

Kajian ini juga menunjukkan persamaan dengan kajian Asiah Othman (1987) yang membuktikan kebimbangan di kalangan remaja di sekolah asrama penuh di Cheras, Kuala Lumpur adalah pada tahap sederhana.

### **5.3.2 Perbezaan Tahap Kebimbangan berdasarkan jantina**

Kajian ini mendapati wujudnya perbezaan yang signifikan tahap kebimbangan yang dialami oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan bagi kategori penyesuaian kerja sekolah, pelajaran dan kerjaya, kurikulum dan pengajaran, hubungan personal psikologi, dan kewangan dan kehidupan. Hasil dapatan kajian ini juga menjelaskan pelajar perempuan adalah berada pada tahap kebimbangan yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki. Dapatkan ini meyokong hasil kajian Zainal Abidin (1981) dan Holtzman (1975) yang menyatakan pelajar-pelajar perempuan adalah lebih bimbang daripada pelajar-pelajar lelaki.

### **5.3.3 Perbezaan Tahap Kebimbangan berdasarkan etnik**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan yang signifikan antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu bagi semua kategori punca kebimbangan. Dapatan ini menjelaskan bahawa tahap kebimbangan adalah lebih tinggi dihadapi oleh pelajar Melayu berbanding dengan pelajar bukan Melayu.

### **5.3.4 Perbezaan Tahap Kebimbangan Berdasarkan Pendapatan Keluarga**

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan tahap kebimbangan yang signifikan di antara pelajar dari keluarga berpendapatan rendah dengan dengan pelajar dari keluarga berpendapatan tinggi dari aspek pelajaran dan kerjaya, akhlak dan agama, hubungan personal psikologi dan kewangan. Hasil kajian menunjukkan pelajar dari keluarga berpendapatan rendah menghadapi tahap kebimbangan yang tinggi daripada pelajar dari keluarga berpendapatan tinggi. Hasil kajian ini bersamaan dengan kajian Holtzman (1975) yang menyatakan pelajar dari status ekonomi rendah lebih bimbang daripada pelajar dari status ekonomi tinggi.

### **5.3.5 Punca Kebimbangan Pelajar**

Dapatan kajian menunjukkan punca utama kebimbangan dikalangan pelajar sekolah menengah yang dikaji ialah penyesuaian kerja sekolah. Hasil

kajian ini menyokong dapatan Rohana Zubir (1974) yang menyatakan kategori masalah yang menyebabkan pelajar merasa bimbang adalah penyesuaian kerja sekolah. Chiam dan Fatimah (1982) menyatakan keinginan untuk lulus peperiksaan dengan gred yang baik menjadi punca utama kebimbangan pelajar. Hal ini dapat menunjukkan bahawa remaja sekolah adalah bimbang mengenai pelajaran mereka.

Bagi mengurangkan kebimbangan pelajar berkaitan dengan penyesuaian kerja sekolah ini guru dan kaunselor perlu menjalankan program pengurusan masa agar pelajar dapat menghargai masa dan membuat sesuatu pekerjaan dengan perancangan dan perlaksanaan secara berjadual mengikut masa yang ditetapkan. Perancangan yang teliti dapat membantu pelajar mencapai matlamat hidup mereka disamping megurangkan rasa kebimbangan.

Selain daripada penyesuaian kerja sekolah punca seterusnya yang menjadi kebimbangan pelajar adalah pelajaran dan kerjaya, dan hubungan sosial psikologikal. Ini jelas menunjukkan selain bimbang akan akademik dan pelajaran, pelajar remaja juga menghadapi kebimbangan hubungan sosial psikologikal.

#### **5.4 Cadangan**

Cadangan dipaparkan dalam dua bahagian iaitu cadangan untuk program pendidikan dan cadangan untuk kajian lanjutan.

#### **5.4.1 Cadangan Untuk Program Pendidikan**

Berdasarkan keputusan kajian diharapkan satu garis panduan tentang pendidikan yang optimum dapat dibentuk untuk diimplementasikan di sekolah-sekolah. Pendidikan di sekolah tidak hanya berorientasikan peperiksaan malah melibatkan perkembangan emosi, rohani dan jasmani. Oleh itu, peluang melalui kursus, perbincangan atau bengkel sama ada di peringkat sekolah, daerah atau negeri haruslah diberikan kepada guru, kaunselor dan pentadbir untuk membincangkan masalah kebimbangan kepada pelajar. Melalui perbincangan atau bengkel ini dapat memberikan maklumat kepada pendidik dan kaunselor tentang kebimbangan dan faktor berkaitan di kalangan pelajar. Pendidik dan kaunselor juga boleh mendapatkan idea bagaimana menangani pelajar yang mempunyai tahap kebimbangan yang tinggi.

Kajian ini mendapati punca utama kebimbangan pelajar adalah penyesuaian kerja sekolah. Langkah-langkah mengatasi dan mengurangkan tekanan kebimbangan perlu dititikberatkan. Antara langkah yang boleh dilaksanakan ialah mengadakan program pengurusan masa agar pelajar dapat melakukan sesuatu dengan perancangan dan perlaksanaan yang berjadual. Pelajar-pelajar juga boleh didedahkan dengan kemahiran-kemahiran belajar yang berkesan melalui bengkel-bengkel yang dirancangkan.

Pihak sekolah juga boleh membantu mengurangkan kadar kebimbangan berkaitan dengan akademik seperti membimbing pelajar dengan cara-cara

belajar berkesan dan cara-cara menghadapi peperiksaan. Pelajar juga harus digalakkan berdampingan dengan guru untuk menyelesaikan masalah akademik

Bagi menangani faktor keluarga, pihak sekolah bersama PIBG boleh mengadakan program keibubapaan yang berbentuk ceramah, bengkel, memberi maklumat dan seminar kepada ibubapa pelajar. Melalui program seperti ini ibu bapa dapat didedahkan dengan cara pendidikan remaja, psikologi dan emosi remaja serta cara komunikasi dan perhubungan yang baik dengan remaja.

Program seperti motivasi juga boleh dianjurkan kepada pelajar-pelajar supaya dapat membimbing pelajar cara bagaimana menghadapi kebimbangan. Selain itu pentadbir program boleh menambahkan agenda program dengan memberikan maklumat bagaimana hubungan sosial psikologikal yang betul kepada pelajar. Dengan cara ini dapat membina kemampuan pelajar berhubung, berkomunikasi dan bersosial dengan semua peringkat masyarakat. Hal ini dapat mengurangkan tahap kebimbangan pelajar bila berhadapan dengan masyarakat.

#### **5.4.2 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan**

Kajian ini hanya tertumpu kepada faktor-faktor jantina, etnik dan pendapatan keluarga. Faktor-faktor lain yang boleh menyumbangkan kepada kebimbangan pelajar seperti kepimpinan ibu bapa, saiz keluarga, tempat tinggal, rakan sebaya dan jenis sekolah harus juga diberikan perhatian.

Kajian lanjutan juga diperlukan untuk mengenalpasti strategi-strategi mengatasi masalah kebimbangan yang digunakan oleh pelajar remaja. Melalui penyelidikan seperti ini strategi mengatasi kebimbangan yang dihadapi dapat difahami. Selain itu juga penyelidikan harus dijalankan tentang hubungan kebimbangan dengan pencapaian akademik pelajar.

Kajian ini merupakan kajian disebuah sekolah iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 5 Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Kajian lanjutan boleh dijalankan dengan memperluaskan lagi kawasan kajian bagi meliputi peringkat daerah, negeri mahupun peringkat negara. Begitu juga dengan alat pengukuran, kajian lanjutan boleh juga menggunakan kaedah kualitatif seperti temu bual ataupun penulisan eseai yang mana dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang kebimbangan yang dihadapi oleh pelajar.